INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)www.ijlgc.comKEPIMPINAN TUN SAKARAN DALAM MEMBENTUK
MASYARAKAT MADANI DI DAERAH SEMPORNA: SATU
ANALISIS*LEADERSHIP OF TUN SAKARAN IN SHAPING CIVIL SOCIETY IN SEMPORNA:
AN ANALYSIS*Mohd Nasrun Mohd Talib^{1*}, Hafiz Hamzah², Saifulazry Mokhtar^{3*}¹ Institut Pengajian Islam Dan Dakwah Sabah (IPDAS), Keningau, Sabah, Malaysia
Email: nasrun.talib@islam.gov.my² Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: hafizhamzah@ums.edu.my³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 01.07.2024

Revised date: 17.07.2024

Accepted date: 22.08.2024

Published date: 24.09.2024

To cite this document:

Talib, M. N. M., Hamzah, H., & Mokhtar, S. (2024). Kepimpinan Tun Sakaran Dalam Membentuk Masyarakat Madani Di Daerah Semporna: Satu Analisis. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9 (37), 39-53.

DOI: 10.35631/IJLGC.937004

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Abstrak:**

Tun Sakaran Dandai adalah seorang negarawan dan tokoh politik terkemuka di Sabah yang dikenali kerana membawa nilai-nilai agama dalam kepimpinannya. Beliau telah dianugerahkan sebagai Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan 1439H pada tahun 2017 oleh Kerajaan Persekutuan. Kepimpinan Tun Sakaran dalam membentuk masyarakat madani di daerah Semporna khususnya dalam kalangan masyarakat Bajau telah membawa perubahan besar dalam corak kehidupan dan pemikiran mereka. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis peranan dan sumbangan Tun Sakaran dalam merubah masyarakat Bajau di Semporna melalui pendekatan kepimpinan yang berpandukan nilai-nilai agama. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui temu bual dan analisis kandungan. Hasil kajian menunjukkan bahawa Tun Sakaran berjaya membangun masyarakat madani di Semporna melalui pendekatan kepimpinan yang integratif, dengan menekankan aspek keagamaan dan nilai-nilai murni. Kejayaan ini menunjukkan bahawa kepimpinan yang berpandukan agama dapat membawa perubahan positif dalam masyarakat, bukan sahaja dari segi pemikiran tetapi juga dalam kehidupan seharian mereka. Kajian ini juga mendapati bahawa sumbangan Tun Sakaran menjadi inspirasi kepada pemimpin lain dalam usaha membentuk masyarakat yang berdaya saing dan berpandukan acuan agama.

Kata kunci:

Kepimpinan, Masyarakat Bajau, Masyarakat Madani, Transformasi Sosial, Tun Sakaran Dandai

Abstract

Tun Sakaran Dandai is a prominent political leader in Sabah known for integrating religious values into his leadership. He was honored as the National Maal Hijrah Figure 1439H in 2017 by Federal Government. Tun Sakaran's leadership in shaping a civil society in the Semporna district, particularly among the Bajau community, has brought significant changes in their way of life and thinking. This study aims to analyze Tun Sakaran's role and contributions in transforming the Bajau community in Semporna through leadership guided by religious values. The study employs a qualitative method through interviews and content analysis. The findings indicate that Tun Sakaran successfully cultivated a civil society in Semporna through an integrative leadership approach, emphasizing religious aspects and moral values. This success demonstrates that religious-based leadership can bring positive changes not only in thinking but also in their daily lives. The study also finds that Tun Sakaran's contributions serve as inspiration for other leaders in efforts to shape competitive societies follow the religious guidance.

Keywords:

Leadership, Bajau Community, Civil Society, Social Transformation, Tun Sakaran Dandai

Pengenalan

Kepimpinan adalah aspek yang tidak dapat dielakkan dalam urusan kehidupan. Tidak kira dari segi ukuran, kategori, atau gaya kepemimpinan, kepimpinan berkait rapat dengan usaha untuk mencapai maqasid risalah Islam. Ibn Khaldun menyatakan bahawa khilafah (kepimpinan) bertujuan membawa seluruh manusia berada di atas landasan syarak untuk kepentingan akhirat dan urusan dunia yang bermanfaat bagi akhirat (Mohamad Kamil, 2005). Kepimpinan melalui teladan melibatkan seorang pemimpin yang mempamerkan watak dan tingkah laku yang boleh menjadi inspirasi dan model peranan (Saifulazry & rakan-rakan 2021a). Tugas pemimpin merangkumi merancang, menguatkuasakan, membimbing, mentadbir, menggubal polisi, mengurus, bertanggungjawab, memandu, menunjuk, mempengaruhi, mengajak, mendidik, dan mengajar ahli untuk mencapai matlamat berdasarkan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT (Dzulfida, 2020).

Siti Fatimah (2022) menyatakan bahawa kepimpinan Islam adalah suatu proses yang mampu menggerakkan sekumpulan manusia untuk memenuhi tuntutan Islam sambil mencapai misi dan visi dalam tempoh tertentu menuju matlamat Islam. Kepimpinan berteraskan Islam ini dicirikan oleh personaliti yang diperkaya dengan akhlak, nilai, prinsip, serta amalan yang berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah, sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW. Mazlina (2018) merujuk pandangan Fahrid Shahrani yang menegaskan bahawa akhlak merupakan asas pembentukan jati diri masyarakat, termasuk dalam kepimpinan. Ketika mengkaji kegemilangan tamadun Islam, kita harus melihat bukan sahaja kehebatan ekonominya, geopolitikanya, atau ketenteraannya, tetapi juga aspek akhlak yang menjadi tunjang utama. Shaeda Shah (2016) pula menyatakan bahawa sikap, tingkah laku, dan gaya adalah elemen penting yang mempengaruhi corak kepimpinan. Manakala menurut Saifulazry dan rakan-rakan (2023a) pula mengatakan dari perspektif Islam, kepimpinan adalah berteraskan konsep khalifah iaitu setiap manusia adalah pemimpin yang bertanggungjawab memimpin dirinya, keluarga dan ahli-ahli di bawahnya.

Penglibatan Tun Sakaran dalam arena politik sebagai wakil rakyat tidaklah melalui jalan yang mudah. Hamzah Amir (2007) menjelaskan perjalanan politik Tun Sakaran yang bermula pada tahun 1967 sehingga bersara pada tahun 1995 adalah satu tempoh yang menyedarkan beliau tentang kepentingan kepimpinan yang berteraskan agama. Ini membolehkan beliau dikenali sebagai pemimpin yang konsisten dalam membentuk politik dengan kekuatan agama (Mohd Nasrun, 2024). Kewibawaan dan ketokohan Tun Sakaran Dandai diakui oleh pemimpin politik negeri Sabah dan persekutuan, terkenal dengan sifat tawaduk, merendah diri, penyayang, dan peramah (Emin, 2009). Penjelmaan dan pengamalan sifat mahmudah dalam dirinya adalah manifestasi ajaran Islam yang sehati dalam diri beliau sehinggalah sifat ketekunan dan kerja bersungguh-sungguh beliau begitu terserlah dalam kepimpinan politiknya.

Sebagai wakil rakyat daerah Semporna, beliau telah melalui pelbagai fasa mencabar, termasuk menjadi menteri dalam pentadbiran kerajaan negeri Sabah, menteri persekutuan, dan kemuncaknya sebagai Ketua Menteri Sabah, serta sebagai wakil rakyat pembangkang dalam tempoh yang panjang. Didikan agama yang kuat dari keluarga membentuk pendekatan Islam yang sehati dalam dirinya, yang diterjemahkan dalam gaya kepimpinannya. Sebagai penjawat awam yang berkhidmat untuk daerah Semporna, beliau membawa sinar pembangunan dengan pendekatan keagamaan. Kewibawaan Tun Sakaran sebagai pemimpin politik yang membentuk politik dengan nilai keagamaan yang kuat mendapat pengiktirafan daripada kerajaan Negeri Sabah dan kerajaan Malaysia (Md Saffie, 2018).

Selain itu, Tun Sakaran memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat madani di daerah Semporna. Kepimpinan beliau yang berteraskan agama tidak hanya mencorak politik tetapi juga memperkukuhkan perpaduan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat. Dengan sifat tawaduk dan penyayang, beliau berjaya memupuk nilai-nilai murni seperti kejujuran, amanah, dan kerjasama dalam komuniti. Pendekatan beliau dalam pembangunan berasaskan agama menjadikan Semporna sebagai model masyarakat madani yang mengutamakan keadilan, kesejahteraan, dan kemajuan berteraskan ajaran Islam. Kepimpinan Tun Sakaran bukan sahaja memajukan kawasan tersebut dari segi fizikal tetapi juga memperkukuhkan nilai-nilai kemasyarakatan yang tinggi. Menurut Saifulazry dan rakan-rakan (2022) ilmu dakwah adalah suatu aset yang sangat penting dalam kelengkapan diri seorang pendakwah dan pemimpin dan ilmu dakwah juga menjadi intipati utama dalam keberkesanan sesuatu dakwah yang akan dijalankan oleh seseorang dan inilah yang telah diadaptasikan oleh Tun Sakaran dalam dirinya.

Namun, pencapaian ini hanya dapat dicapai oleh seorang mukmin yang benar-benar ikhlas. Menyedari peranan penting nilai dan tingkah laku, unsur-unsur ini mampu mempengaruhi corak kepimpinan politik seseorang. Artikel ini memperincikan keperibadian dan kewibawaan Tun Sakaran Dandai sebagai pemimpin politik yang berjaya menterjemahkan nilai-nilai Islam dalam kepimpinannya, sekali gus menyumbang kepada pembentukan masyarakat madani di Semporna. Atas sumbangan beliau, Tun Sakaran dianugerahkan gelaran Bapa Pembangunan Modal Insan Negeri Sabah dan Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan 1439H (Mohd Nasrun & Saifulazry, 2020).

Kepimpinan Tun Sakaran Dandai di daerah Semporna memberikan contoh yang signifikan tentang bagaimana kepimpinan berteraskan prinsip-prinsip Islam dapat membentuk masyarakat madani. Kajian-kajian terdahulu menekankan bahawa kepimpinan yang berkesan dalam konteks Islam memerlukan integrasi nilai-nilai Islam dalam pengurusan dan

pembangunan masyarakat. Menurut Abbas dan Tan (2019), pemimpin yang berjaya adalah mereka yang mampu menjadikan prinsip-prinsip Islam sebagai panduan utama dalam menjalankan tanggungjawab mereka. Ini termasuk mencontohi teladan Rasulullah SAW dan empat khalifah al-Rasyidin dalam setiap aspek kepimpinan. Pendekatan ini memastikan bahawa kepimpinan tidak hanya tertumpu pada aspek politik tetapi juga pada pembentukan nilai-nilai kemasyarakatan yang positif.

Nur Syahida (2020) menggariskan bahawa kepimpinan yang berkesan melibatkan bukan sahaja kebolehan untuk menguruskan tetapi juga untuk membimbing masyarakat ke arah kebaikan. Dalam konteks Tun Sakaran, kepimpinan beliau telah menunjukkan bagaimana prinsip-prinsip Islam diterjemahkan dalam bentuk tindakan yang memajukan masyarakat. Ini termasuk memastikan keputusan-keputusan politik dan sosial selari dengan nilai-nilai etika dan moral Islam. Mengikut Muhammad Haikal (2018), kepimpinan Islam harus memupuk keadilan dan kesejahteraan dalam masyarakat. Melalui pendekatannya yang berasaskan ajaran Islam, Tun Sakaran telah berjaya mengatasi pelbagai cabaran dalam pembangunan Semporna. Ini menunjukkan bahawa kepimpinan beliau tidak hanya terhad kepada aspek politik tetapi juga melibatkan penyelesaian masalah sosial dan ekonomi yang relevan dengan ajaran Islam.

Mohd Parid (2015) menyarankan bahawa pemimpin Islam perlu mewujudkan suasana harmoni dan kerjasama dalam kalangan rakyat. Tun Sakaran, dalam kepimpinannya, telah memperkukuhkan perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat Semporna, dengan memberi fokus kepada pembangunan yang inklusif dan adil. Ini adalah contoh bagaimana prinsip-prinsip Islam dapat diaplikasikan untuk mencipta masyarakat yang lebih baik. Monjur (2015) menyatakan bahawa kepimpinan dalam Islam adalah satu kontrak psikologi antara pemimpin dan pengikut, di mana pemimpin bertanggungjawab untuk membimbing dan melindungi rakyat dengan adil.

Tun Sakaran telah melaksanakan prinsip ini dengan efektif, memastikan bahawa kepimpinannya memberi manfaat kepada rakyat dan selari dengan ajaran Islam. Dzulfida (2020) menekankan bahawa kepimpinan Islam yang berwibawa memerlukan ciri-ciri seperti taqwa, ukhuwah, dan akhlak yang baik. Dalam konteks Tun Sakaran, fokus adalah pada bagaimana ciri-ciri ini diterjemahkan dalam setiap aspek kepimpinannya, yang telah membawa kepada pembentukan masyarakat madani di Semporna. Kepimpinan beliau, yang berlandaskan pada nilai-nilai ini, telah terbukti berjaya dalam mewujudkan masyarakat yang adil dan harmoni. Allah SWT berfirman:

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ ٦٩

Maksudnya:

"Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak ugama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredaan); dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya."

(Surah al-Ankabut:29:69)

Dalam sebuah hadis, Rasulullah SAW bersabda:

عن أبي ذر، قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: لَا يَسْتَقِيمُ عَبْدٌ يُحْدِثُهُ اللَّهُ تَحْتَ رِعَايَتِهِ ثُمَّ يَمُوتُ وَهُوَ غَاشٌّ لِرِعَايَتِهِ إِلَّا حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ رِيحَ الْجَنَّةِ

Maksudnya:

"Daripada Abu Dzar RA berkata: Rasulullah SAW bersabda: Tidak ada seorang hamba yang Allah beri tanggungjawab untuk menguruskan rakyatnya, kemudian dia tidak menunaikan amanah tersebut, melainkan dia tidak akan merasakan bau syurga."

(Hadis Riwayat al-Bukhari, No. 6130 dan Muslim, No. 1828)

Berdasarkan penjelasan diberikan, ia menunjukkan bahawa kejayaan kepimpinan Tun Sakaran dalam membentuk masyarakat madani di Semporna adalah hasil daripada penerapan prinsip-prinsip Islam yang mendalam dan konsisten. Kepimpinan beliau bukan sahaja memperkukuhkan struktur politik tetapi juga membentuk asas-asas nilai kemasyarakatan yang tinggi, menjadikannya sebagai model kepimpinan Islam yang efektif. Pengaplikasian sifat amanah dan tanggungjawab seorang Muslim adalah membawa faedah dan manfaat kepada seluruh manusia (Saifulazry & rakan-rakan, 2021d) dan ia sekaligus dapat melahirkan sebuah masyarakat yang madani.

Sorotan Literatur

Sebelum perbincangan kajian ini diperincikan, terlebih dahulu pengkaji melakukan sorotan literatur terhadap kajian-kajian lepas berkaitan dengan kepimpinan dan Tun Sakaran. Kajian Saifulazry dan rakan-rakan (2021a) adalah berteraskan kepimpinan transformasi dalam kalangan pentadbir sekolah. Di mana pentadbir perlu bijak dalam menentukan bentuk dan gaya kepimpinan yang digunakan dalam organisasinya kerana kepimpinan merupakan kayu ukur kepada kejayaan sesebuah organisasi. Kajian tersebut bertujuan untuk melihat implementasi kepimpinan transformasi dalam kalangan pentadbir sekolah di daerah Sandakan dalam menentukan hala tuju sekolah selaras dengan kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia. Hasil kajian beliau mendapati tahap implementasi kepemimpinan transformasi dalam kalangan pentadbir sekolah di daerah Sandakan adalah tinggi iaitu memperolehi nilai purata 4.16. Pentadbir sekolah di daerah Sandakan menerapkan elemen implementasi kepimpinan transformasi dalam pentadbiran organisasi di sekolah dan ia dapat diterima baik oleh warga sekolah.

Kajian kepimpinan seterusnya adalah kajian yang dijalankan oleh Saifulazry dan rakan-rakan (2021d) berkaitan dengan pengaruh kepimpinan adat di Sabah. Kajian tersebut bertujuan untuk melihat pengaruh kepimpinan pengamal adat kaum Suluk dalam pengamalan ritual kematian di Sandakan, Sabah yang menjadi darah daging dalam landskap kehidupan mereka. Selain itu, kajian tersebut juga turut melihat pantang larang dan pengaruh kepimpinan pengamal adat suku kaum Suluk dalam masyarakat sewaktu berlakunya sesuatu kematian. Dapatan kajian beliau menunjukkan terdapat dua kategori pengaruh kepimpinan pengamal adat suku kaum Suluk dalam adat dan ritual kematian di Sandakan iaitu adat semasa berlakunya kematian dan adat selepas kematian. Bagi kajian Mohd Sohaimi dan rakan-rakan (2023) pula berkisarkan kepada peranan pemimpin Persekutuan Tanah Melayu. Kajian tersebut membincangkan peranan yang dimainkan oleh pemimpin kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dalam menangani isu Singapura dalam usaha meleraikan kemelut yang berlaku agar gagasan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Hasil kajian beliau mendapati bahawa terdapat beberapa isu berbangkit yang melibatkan Singapura seperti kepentingan strategik kolonial British, menangani ancaman

Komunis, permasalahan politik dan komposisi kaum. Sungguhpun begitu, isu-isu yang dihadapi tersebut berjaya di atasi apabila Singapura menjadi sebahagian dari Persekutuan Malaysia yang diisytiharkan pada 16 September 1963.

Dalam kajian Azlan Raymond dan rakan-rakan (2021) pula membicarakan berkaitan dengan Sejarah Kepimpinan Politik di Matunggong yang merupakan aspek penting yang perlu dijadikan landasan bagi membangunkan komuniti sesuatu kawasan. Ini termasuklah sejarah politik yang melibatkan komuniti Rungus di Matunggong, Kudat, Sabah. Namun demikian, tidak semua pihak menyedari perkara ini. Kajian tersebut mendapati bahawa menerusi analisis sejarah politik, dapat dilihat perkembangan sesuatu kawasan dan komuniti yang berada di kawasan tersebut, sama ada berlaku perubahan besar atau sebaliknya. Dalam hubungan ini, jelas dapat diperhatikan bahawa kawasan Matunggong dan komuniti Rungus memang sudah jauh berubah, bertambah maju dan mara ke hadapan, dalam tempoh kira-kira seratus tahun. Kajian Abang Mohd Razif dan rakan-rakan (2021) pula bertujuan mengenal pasti elemen sepunya kepemimpinan dan kepengikutan dalam pembangunan insan berteraskan Islam. Hasil kajian tersebut mendapati tasawur, prinsip dan matlamat kepemimpinan dan kepengikutan dalam pembangunan insan berteraskan Islam. Dapatan kajian tersebut juga membuktikan bahawa sifat-sifat kepemimpinan dan kepengikutan sememangnya bahagian yang sangat signifikan dan penting dalam konteks pembangunan insan yang berteraskan Islam dalam melahirkan individu Muslim yang mampu menjadi pemimpin dan pengikut yang cemerlang dan seimbang bukan sahaja dari aspek jasmani semata-mata bahkan juga aspek-aspek yang lebih penting iaitu aspek rohani, emosi, mental dan intelektual.

Pengkaji juga melaksanakan sorotan literatur terhadap kajian yang melibatkan kepimpinan dan ketokohan. Kajian Saifulazry dan rakan-rakan (2023c) adalah bertujuan untuk melihat latar belakang Syeikh Tahir Jalaluddin sebagai seorang ilmuan yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan ketokohnya sebagai pemimpin. Selain itu, kajian tersebut juga turut melihat bidang-bidang yang dikuasai oleh Syeikh Tahir Jalaluddin serta karya-karya penulisan yang pernah beliau hasilkan. Hasil kajian beliau mendapati Syeikh Tahir Jalaluddin merupakan seorang ilmuan yang memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi terutama dalam bidang agama, mempunyai keberanian dan ketabahan hati, bersikap tegas dan berterus terang, bersedia untuk ditegur dan disanggah oleh orang lain serta mempunyai pengaruh dari kalangan kawan-kawan dan anak-anak muridnya. Dengan memiliki sifat sedemikian rupa, sudah pasti beliau sangat sesuai untuk dijadikan contoh dan ikutan dalam landskap kepimpinan dan ketokohnya.

Kajian yang mengkhususkan kepada Tun Sakaran telah dikaji Mohd Nasrun dan rakan-rakan (2023). Skop utama dalam kajian tersebut adalah meninjau pendekatan dan kriteria-kriteria yang telah diaplikasikan oleh Tun Sakaran Dandai dalam memanifestasikan rahmah sebagai wadah dalam perjuangan politik di samping mengangkat syiar agama. Tun Sakaran Dandai merupakan tokoh politik Sabah berpengaruh berasal dari daerah Semporna telah berjaya mengetengahkan ajaran Islam secara menyeluruh dalam kalangan masyarakat melalui kepimpinan. Penglibatan Tun Sakaran dalam kepimpinan politik pada peringkat tertinggi nyata memberi impak dari sudut pembawaan syiar Islam sehingga beliau dikenali sebagai seorang tokoh bersifat tawaduk, rendah diri dan satu-satunya pemimpin politik Sabah yang mencorak politiknya berserta dengan kekuatan agama. Melalui penulisan ini dapat dilihat bagaimana Tun Sakaran Dandai mengaplikasikan pendekatan rahmah dalam berpolitik.

Seterusnya adalah kajian Mohd Nasrun dan rakan-rakan (2022) yang bertujuan melihat bagaimana Tun Sakaran Dandai menerapkan nilai-nilai untuk membina jati diri muslim dalam kepimpinan yang disaluti dengan pendekatan syiar Islam. Skop utama dalam penulisan ini diteruskan dengan meninjau penjelasan tentang pendekatan dan kriteria-kriteria yang telah diaplikasikan oleh Tun Sakaran Dandai dalam membentuk jati diri Muslim yang berjaya dalam kepimpinan. Justeru, hasil dapatan ini jelas membuktikan bahawa beliau merupakan contoh pemimpin politik yang berjaya membina jati diri muslim melalui kepimpinan dan perlu diteladani oleh pemimpin-pemimpin masyarakat yang ada pada masa kini. Hal ini dilihat amat bersesuaian dengan pengamalan kepada konsep Uswatun Hasanah yang sepatutnya diterapkan secara komprehensif dalam setiap aspek kehidupan. Berdasarkan kepada hasil sorotan literatur yang dijalankan, pengkaji tidak menemui penulisan khusus berkaitan dengan kepimpinan Tun Sakaran dalam membentuk masyarakat Madani di Semporna, Sabah dan ia sangat relevan untuk diketengahkan.

Metodologi Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau dan menganalisis berkaitan pendekatan rahmah dalam kepimpinan politik Tun Sakaran Dandai. Kajian kualitatif diaplikasikan dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan dan temu bual bersama responden. Data dan maklumat yang diperoleh melalui temu bual mahupun dari sumber kandungan bertulis dianalisis secara deskriptif dan disusun secara tematik dan ia dijadikan sebagai justifikasi kepada maklumat data soal selidik yang diperolehi (Saifulazry & rakan-rakan, 2021b). Hasil dapatan kajian ini menunjukkan impak yang positif kepada generasi kini yang melibatkan diri dalam kepimpinan politik seiring dengan acuan Islam sebagai panduan.

Hasil Dapatan dan Perbincangan

Tun Sakaran Dandai adalah seorang tokoh yang terkenal dalam bidang politik negeri Sabah dan merupakan seorang pemimpin bagi suku kaum Bajau yang berpengalaman. Emin Madi (2009) menyatakan bahawa Tun Sakaran dikenali dalam kalangan pemimpin di Sabah dengan sifat tawaduk, merendah diri, penyayang, dan peramah. Pandangan ini dikongsi oleh ramai pemimpin dan rakyat Sabah. Sifat-sifat terpuji yang dimiliki beliau adalah manifestasi ajaran agama Islam yang telah sehati dalam dirinya. Bagi memastikan sesebuah komunikasi itu berkesan dan terkesan kepada pendengar, komunikasi tersebut hendaklah dilakukan dengan menggunakan perkataan yang baik, bijak dan pandai mengatur kata-kata, mengetahui situasi yang sesuai untuk meneruskan komunikasi ataupun secara ringkasnya adalah dengan menggunakan prinsip-prinsip komunikasi yang telah ditetapkan (Saifulazry & rakan-rakan, 2021c) dan inilah yang telah diaplikasikan oleh Tun Sakaran Dandai dalam landskap kehidupannya. Tanpa pendekatan yang baik juga, masyarakat yang menjadi sasaran dakwah akan memberi respon yang negatif terhadapnya walaupun isi yang disampaikan menarik dan bermutu. Untuk itu, strategi penyampaian dan isi pengajaran yang baik dan bermutu perlu diterapkan dalam diri setiap pendakwah (Saifulazry & rakan-rakan, 2019) & (Saifulazry, 2014).

Menurut Bilcher Bala (2015), penglibatan Tun Sakaran dalam pentadbiran dan politik bermula dengan pelantikan sebagai Kerani Anak Negeri di Pejabat Daerah Semporna pada 31 Ogos 1948. Ini menjadi asas pembentukan sifat kepimpinan beliau dalam bidang pentadbiran dan politik. Pengalaman luas yang diperoleh semasa menjawat jawatan Pemangku Ketua Kerani, Ketua Anak Negeri, dan Ketua Daerah sehingga tahun 1967, telah membentuk beliau sebagai seorang pemimpin berkarisma dan berjaya di daerah Semporna selepas merdeka. Kewibawaan


Tun Sakaran mula bersinar apabila terlibat secara langsung dengan penubuhan parti USNO pada tahun 1961. Beliau dilantik sebagai Ketua Pemuda USNO (*United Sabah National Organization*) Semporna dan kemudian menjadi Ketua Bahagian USNO. Penyertaannya dalam USNO yang dipimpin oleh 'Bapa Kemerdekaan Sabah' Tun Datu Mustapha membawa makna mendalam terhadap perjuangannya untuk merealisasikan sebuah negara Malaysia, terutamanya demi mencapai kemerdekaan dan memenuhi pembangunan rakyat negeri Sabah.

Menurutnya lagi, penglibatan Tun Sakaran dalam karier politik begitu lama dan telah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) selama 27 tahun, mewakili masyarakat di Semporna. Beliau telah mengusahakan banyak agenda pembangunan khususnya sepanjang era pemerintahan parti USNO di Sabah. Beliau dikenali sebagai 'Bapa Pembangunan' dari tahun 1950-an hingga 1970-an dan merupakan seorang pemimpin yang penyabar dan berhati mulia dalam kalangan masyarakat di Semporna. Tun Sakaran telah memenangi beberapa pilihan raya sehingga menyertai Kabinet Sabah pada tahun 1967 hingga 1975 dan kemudian Kabinet Persekutuan Malaysia pada tahun 1990 hingga 1994. Setelah USNO dibubarkan, UMNO menjadi wadah baru dalam perjuangan politiknya.

Meskipun keperibadian Tun Sakaran menonjol dalam bidang politik, beliau juga konsisten dan berterusan dalam memupuk pendidikan Islam dalam kalangan masyarakat Islam di Semporna (Mohamad Shauki, 2015). Perkara ini terserlah dalam setiap fasa penglibatan beliau dalam pentadbiran negeri dan persekutuan, sama ada di puncak kuasa sebagai Menteri, Ketua Menteri, dan Tuan Yang Terutama (TYT), sehinggalah beliau bersara dari jawatan kerajaan. Atas sumbangan yang diberikan, beliau telah dianugerahkan Tokoh Maal Hijrah 1439H pada tahun 2017 oleh Kerajaan Malaysia. Pendiannya tetap sama demi memastikan kemantapan masyarakat Islam dalam semua aspek kehidupan. Oleh kerana manusia itu dijadikan oleh Allah SWT sebagai pentadbir di atas muka bumi ini, maka manusia harus berusaha bersungguh-sungguh untuk mengurus dan mentadbir dunia ini dengan sebaik-baiknya (Saifulazry & rakan-rakan, 2023b). Namun bagi mereka yang ada pengetahuan asas berkaitan agama, mereka pasti akan menilai, mempertimbangkan serta menganalisis maklumat yang disampaikan melalui berdasarkan ilmu agama yang dimiliki dan ini akan menyelamatkan mereka daripada mengamalkan ilmu yang salah serta penyelewengan dalam ajaran Islam (Saifulazry & rakan-rakan, 2021e).

Sumbangan Tun Sakaran Dandai

Selain itu, kajian ini turut menemukan beberapa sumbangan besar Tun Sakaran Dandai terhadap masyarakat di daerah Semporna. Rajah 1 di bawah menunjukkan ringkasan dan kupasan sumbangan Tun Sakaran Dandai dalam membentuk masyarakat madani di Semporna, Sabah.



Rajah 1: Sumbangan Tun Sakaran Dandai

Sumber: Kajian Penyelidikan 2024

Sumbangan Tun Sakaran Dandai dalam Pembangunan Agama

Tun Sakaran Dandai memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan agama Islam di Semporna, Sabah. Salah satu sumbangan utama beliau ialah melalui penubuhan dan penglibatan aktif dalam Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA), yang ditubuhkan pada 16 Ogos 1969 oleh Tun Datu Mustapha (Emin Madi, 2009). Mohd Nasrun dan Saifulazry (2020) menyatakan bahawa Tun Sakaran diberi peranan sebagai Ketua Bahagian USIA di daerah Semporna, di mana beliau bekerja keras untuk mempergiatkan kefahaman Islam di kalangan masyarakat setempat. Sebagai pemimpin yang berwawasan,

Menurut Ismail Amir (2021), Tun Sakaran telah membina sekolah-sekolah agama dan kemudahan ibadah untuk masyarakat. Beliau mendirikan Madrasah Salamah pada tahun 1959 dan membina Sekolah Agama Pekan Semporna, selain menyediakan kemudahan masjid dan surau di kawasan perkampungan. Pembinaan semula Masjid al-Rahman di daerah Semporna adalah salah satu pencapaian penting beliau, yang menjadi simbol pembangunan pendidikan agama Islam di kawasan tersebut. Selain itu, Tun Sakaran turut mengasaskan Yayasan Sabdi, sebuah badan kebajikan yang bertujuan untuk memperkasakan syiar Islam di daerah Semporna dan seluruh negeri Sabah. Yayasan Sabdi berfungsi sebagai medium untuk menggerakkan misi Islam dan mendekati masyarakat Islam dengan pelbagai program keagamaan dan kebajikan.

Mohd Nasrun (2024) menerangkan bahawa Penglibatan Tun Sakaran dalam politik juga memainkan peranan besar dalam usaha beliau memperkembangkan syiar Islam. Beliau menggunakan kedudukannya sebagai Ketua Menteri Sabah dan jawatan-jawatan lain dalam kerajaan untuk mempromosikan dan memudahkan pembangunan agama Islam. Kesungguhan beliau dalam menjalankan tanggungjawab ini walaupun sibuk dengan urusan rasmi negeri adalah bukti komitmen beliau terhadap agama Islam. Sumbangan Tun Sakaran dalam pembangunan agama Islam di Semporna mencerminkan dedikasi dan visi beliau untuk melihat masyarakat Islam yang lebih mantap dan berpendidikan. Usaha-usaha beliau tidak hanya meningkatkan kefahaman agama dalam kalangan masyarakat, tetapi juga menyatukan mereka melalui nilai-nilai Islam yang diterapkan dalam setiap aspek kehidupan mereka.

Sumbangan dalam Pembangunan Pendidikan

Tun Sakaran Dandai telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam memajukan pendidikan di daerah Semporna. Salah satu langkah awal beliau ialah penubuhan Madrasah Salamah pada tahun 1959 tanpa bantuan daripada pentadbiran British. Keazaman beliau untuk

memperkasakan pendidikan membuktikan kepemimpinan beliau dalam mengutamakan pembinaan generasi yang berilmu (Muhamad Shauki, 2015). Setelah pembentukan Malaysia pada tahun 1963, Tun Sakaran berjaya mendirikan beberapa sekolah di kawasan pulau dan tanah besar Semporna. Antara sekolah yang didirikan termasuk Sekolah Kebangsaan Balimbang, Sekolah Kebangsaan Bum-Bum, dan Sekolah Kebangsaan Sisipan. Di tanah besar pula, beliau membina Sekolah Kebangsaan Bugaya, Sekolah Menengah Kebangsaan Bugaya, serta menaik taraf Sekolah Kebangsaan Pekan Semporna dan Sekolah Kebangsaan Bubul. Langkah ini jelas menunjukkan kesungguhan beliau dalam memperluaskan akses pendidikan kepada semua lapisan masyarakat (Mohd Nasrun & Saifulazry, 2022).

Muhamad Shauki (2015) menjelaskan Tun Sakaran telah memainkan peranan penting dalam pembangunan pendidikan agama di Semporna. Beliau membina Sekolah Agama Pekan Semporna dan kemudahan masjid di pelbagai kampung untuk dijadikan pusat ibadah dan pembelajaran. Pembinaan semula Masjid al-Rahman, misalnya, menjadi simbol kepada usaha beliau dalam mengintegrasikan pendidikan agama dengan kemudahan infrastruktur. Hal ini bertepatan dengan penjelasan yang diberikan oleh Mohd Nasrun dan Saifulazry (2020) yang menyatakan ketika Tun Sakaran menjawat jawatan sebagai Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Malaysia pada tahun 1990, beliau memperluaskan lagi sumbangan beliau dalam pendidikan dengan menubuhkan Kompleks Inabah Kamal. Kompleks ini lengkap dengan Madrasah, Tadika Islamiyah, Maahad Tahfiz al-Quran wa al-Qiraat, dan Pusat Pemulihan Remaja. Beliau juga membuka Kelas Pengajian al-Quran dan Fardu 'Ain di setiap kampung terpilih, menunjukkan usaha beliau dalam memastikan pendidikan agama sampai kepada semua lapisan masyarakat.

Menurut Mohd Nasrun dan Saifulazry (2022) menukilkan penjelasan Yusof Kassim, salah satu sumbangan terbesar Tun Sakaran dalam pendidikan tinggi ialah usaha beliau dalam penubuhan Universiti Malaysia Sabah (UMS). Semasa menjadi Ketua Menteri Sabah, beliau berperanan penting dalam merealisasikan penubuhan universiti ini, yang akhirnya beroperasi sepenuhnya pada 24 November 1994. Kejayaan ini membuktikan dedikasi beliau dalam memastikan anak-anak Sabah mempunyai peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Sumbangan Tun Sakaran dalam pembangunan pendidikan menunjukkan tentang komitmen beliau terhadap kemajuan dan kesejahteraan masyarakat Semporna. Usaha-usaha beliau telah membuka jalan kepada generasi muda untuk mendapatkan pendidikan yang berkualiti dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan negeri Sabah.

Sumbangan Dalam Pembangunan Sosio-ekonomi Masyarakat

Sumbangan Tun Sakaran Dandai dalam pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Semporna adalah amat signifikan dan meliputi pelbagai aspek yang telah membantu mengubah landskap sosio-ekonomi daerah tersebut. Md Saffie (2015) menjelaskan bahawa ketika Tun Sakaran Dandai memulakan kerjayanya dalam perkhidmatan awam sebagai Kerani Anak Negeri pada tahun 1948, antara matlamat utamanya adalah untuk membuka tanah rancangan di Tanah Besar Semporna. Dengan peranan yang diberikan seperti menjalankan tugas sebagai kerani hasil, kerani tanah, dan pengurusan tanah, Tun Sakaran telah memanfaatkan kuasa yang ada untuk menyediakan tanah untuk pembangunan. Beliau memainkan peranan yang sangat penting dalam pengagihan dan kelulusan tanah serta memberi galakan kepada penduduk tempatan untuk mengusahakan tanah di sekitar Tanah Besar Semporna.

Menurut Md Saffie (2015) lagi, usaha dan kesungguhan Tun Sakaran menyebabkan banyak tanah terbiar ratusan ekar berjaya diterokai untuk pertanian. Usaha ini termasuk pembukaan Tanah Rancangan seperti di Lihak-Lihak, Tanjung Kapor, dan Pegagau, yang membanggakan penduduk Semporna. Ketika itu, Semporna berada di bawah pentadbiran J.H Nickolson dan David Fielding sebagai Ketua Daerah. Ia disokong melalui kenyataan Muhammad Mokhtar yang menjelaskan, pembukaan Tanah Rancangan ini bertujuan menggalakkan penduduk bercucuk tanam dan sebagai penempatan (Mohd Nasrun, 2024). Kesannya, Lihak-Lihak kini menjadi penempatan kekal dengan tanaman kelapa sawit, pokok buah-buahan, dan sayur-sayuran, serta penduduk memiliki geran tanah sendiri. Di Tanah Rancangan Pegagau, termasuk kawasan Mentaritip, penduduk baru mengusahakan tanah dengan tanaman getah, kelapa sawit, dan sayur-sayuran sebagai sumber pendapatan.

Selain kawasan Lihak-Lihak dan Pegagau, pembukaan Tanah Rancangan juga dibangunkan di Bugaya. Mohd Nasrun (2024) menukilkan kenyataan yang diberikan oleh Mohd Shafie Apdal menjelaskan bahawa Tun Sakaran memindahkan penduduk dari pulau ke tanah besar Semporna dengan memberikan geran pemilikan tanah untuk pertanian sebagai sumber pendapatan. Tanah Rancangan ini menyumbang kepada pembukaan beberapa perkampungan di Bugaya seperti Kampung Tanjung Kapor, Kampung Sungai Gajah, Kampung Sungai Tuhok, Kampung Bukit Sakong, Kampung Seri Melor, Kampung Bohey Lima, Kampung Labuan Senang, Kampung Salimbanun, dan Kampung Indani. Kesannya sehingga hari ini, penduduk kampung dapat memanfaatkan tanah hasil daripada usaha murni Tun Sakaran ingin membangun sosio-ekonomi masyarakat Semporna.

Tun Sakaran telah membawa era pembangunan di Semporna dengan memperkenalkan keperluan dan kemudahan untuk rakyat melalui pembukaan tanah rancangan. Mohd Saffie (2015) menyatakan bahawa Tun Sakaran adalah individu berjasa kepada masyarakat Semporna sejak pemerintahan kolonial, dan peranannya sebagai Ketua Daerah sejak 1960-an menyumbang kepada projek pembangunan sosioekonomi seperti Projek Pembukaan Semporna Island Land Scheme, Lihak-Lihak Land Development Scheme, dan Rancangan Penempatan Mantaritip dan Pegagau. Selain itu, beliau menyediakan kemudahan seperti Lapangan Terbang Semporna (1963), Jambatan Sungai Pegagau (1964), Hospital Semporna (1968), bekalan elektrik (1969), menaik taraf Masjid al-Rahman (1967), bekalan air terawat di Sungai Intan (1972), dan pembinaan bangunan pejabat Tanah dan Ukur serta Jabatan Kerja Raya (1972) untuk meningkatkan taraf hidup rakyat Semporna.

Berdasarkan maklumat dan data yang diperolehi, secara keseluruhannya menunjukkan sumbangan besar Tun Sakaran Dandai dan telah membuktikan kepimpinan beliau dalam membentuk masyarakat madani dalam aspek pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Semporna. Melalui pelbagai inisiatif dan program yang diperkenalkannya, beliau telah berjaya mengubah dan memperbaiki taraf hidup penduduk Semporna, menjadikannya salah satu contoh terbaik kepimpinan berwawasan dan berjiwa rakyat.

Sumbangan dalam Pembentukan Jati Diri Rakyat Semporna

Tun Sakaran Dandai telah memainkan peranan yang signifikan dalam pembentukan jati diri rakyat Semporna melalui pelbagai pendekatan dan sumbangan (Hamzah Amir, 2007). Perjuangan beliau dalam bidang politik dan agama serta sifat kepemimpinan yang dimiliki telah menjadi contoh tauladan yang baik kepada masyarakat setempat. Mauludun (2021) menelaskan bahawa Tun Sakaran memainkan peranan penting dalam menyuntik semangat

sabar dan bersatu dalam kalangan masyarakat Semporna. Beliau sering menekankan kepentingan kesabaran dalam menghadapi cabaran serta menyemai semangat perpaduan di kalangan penduduk melalui pelbagai program jelajah rakyat era politiknya. Tun Sakaran menggalakkan masyarakat untuk bersatu padu, menghargai kebersamaan, dan mengatasi perbezaan. Usaha beliau dalam memupuk nilai-nilai ini telah membantu membentuk komuniti yang harmoni dan bersatu, yang mampu bekerjasama dalam membangunkan daerah Semporna.

Dalam konteks kehidupan, Tun Sakaran juga mengajar masyarakat Semporna untuk sentiasa bersyukur dengan peluang yang diberikan. Ismail Amir (2021) menjelaskan melalui pembukaan tanah rancang di Semporna, Tun Sakaran menekankan bahawa tanah yang diperolehi hendaklah dimanfaatkan sepenuhnya sebagai sumber pendapatan yang berterusan dan dapat diwarisi oleh generasi akan datang. Dengan memberikan panduan dan sokongan kepada penduduk dalam mengusahakan tanah-tanah mereka, Tun Sakaran berjaya membangkitkan kesedaran tentang pentingnya menghargai dan memanfaatkan peluang yang ada. Ini tidak hanya meningkatkan taraf ekonomi penduduk tetapi juga memastikan kelangsungan dan kemakmuran komuniti pada masa hadapan.

Salah satu sumbangan terbesar Tun Sakaran dalam membina jati diri rakyat Semporna adalah melalui pengukuhan pegangan agama dan pengamalan nilai-nilai Islam. Razak (2022) menjelaskan tentang penglibatan beliau bersama Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) begitu memberi impak yang jelas dalam kalangan penduduk Semporna kerana sifat peribadi Tun Sakaran amat dikenali dengan pendekatan dakwah. Beliau menekankan bahawa nilai-nilai Islam perlu diterapkan dalam kehidupan seharian sebagai asas untuk membina masyarakat yang unggul. Melalui pelbagai inisiatif program keagamaan, termasuk kelas-kelas agama dan aktiviti dakwah, Tun Sakaran memastikan bahawa didikan agama yang baik menjadi teras dalam kehidupan masyarakat Semporna. Pengajaran ini membantu membentuk individu yang bukan sahaja berjaya dari segi duniawi tetapi juga dari segi rohani, menjadikan mereka contoh masyarakat yang seimbang dan berakhlak mulia.

Pengiktirafan Tun Sakaran

Sumbangan dan kejayaan Tun Sakaran Dandai dalam kepimpinan mendapat pengiktirafan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Persekutuan. Beliau dianugerahkan Tokoh Maal Hijrah 1429H Negeri Sabah pada tahun 2008 oleh Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Musa Aman, dan Tokoh Maal Hijrah 1439H bagi Peringkat Kebangsaan pada tahun 2017 oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak. Anugerah ini diberikan atas kejayaannya dalam menyumbang kepada perkembangan syiar Islam serta menyatukan rakyat berbilang kaum di Sabah, selain penglibatannya dalam hal ehwal Islam di peringkat nasional dan antarabangsa (Rohaniza & M Azrone, 2017). Tun Sakaran merupakan tokoh pertama dari Sabah yang menerima anugerah Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan. Pengiktirafan ini melayakkan beliau diberi gelaran 'Bapa Pembangunan Modal Insan Negeri Sabah,' membuktikan kejayaannya dalam membina jati diri Muslim dalam kepimpinan politik (Mohd Nasrun, 2024).

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini telah mendedahkan kepimpinan integratif Tun Sakaran Dandai dalam membentuk masyarakat madani di daerah Semporna, khususnya dalam kalangan masyarakat Bajau. Tun Sakaran berjaya membuktikan bahawa nilai-nilai agama boleh menjadi panduan utama dalam kepimpinan yang berkesan dan membawa perubahan positif. Melalui pendekatan yang menekankan aspek keagamaan dan nilai-nilai murni, beliau telah

meningkatkan taraf hidup, pemikiran, dan amalan harian masyarakat Bajau. Kejayaan ini mengukuhkan pandangan bahawa pemimpin yang mengintegrasikan nilai-nilai agama dalam kepimpinan mampu memberi impak mendalam dan lestari kepada masyarakat. Sumbangan Tun Sakaran tidak hanya terhad kepada perubahan fizikal dan material, tetapi juga kepada pembangunan rohani dan moral masyarakat. Kejayaan yang dilakar melalui kepimpinan politik beliau menjadi inspirasi kepada pemimpin politik lain, membuktikan bahawa dengan kepimpinan yang berlandaskan nilai-nilai agama, dan menyuntik semangat sesebuah masyarakat untuk berkembang dengan holistik dan seimbang. Ia secara tidak langsung menekankan pentingnya pendekatan kepimpinan yang menyeluruh dan berpanduan nilai-nilai agama dalam usaha membentuk masyarakat madani yang progresif dan berdaya saing.

Penghargaan

Jutaan terima kasih kepada pihak Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) Keningau, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (PPIB, UMS) serta pihak Global Academic Excellence (GAE) di atas penerbitan artikel ini.

Rujukan

Al-Quran.

- Abang Mohd. Razif Abang Muis, Mohd Sohaimi Esa, Mohd Azri Ibrahim, Irma Wani Othman, Saifulazry Mokhtar, Romzi Ationg, Mohd Kamal Mohd Shah. (2021). Elemen Sepunya Kepemimpinan dan Kepengikutan dalam Pembangunan Insan Berteraskan Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(38), 119 - 134.
- Abbas, D., & Tan, C. (2019). Transformational Islamic Leadership: A Case Study From Singapore. *Global Perspectives on Teaching and Learning Paths in Islamic Education*, (August), 76–91.
- al-Bukharî. Abu ʿAbd-Allah Muhammad bin Ismail. 1422H/2002M. *Shahih al-Bukhari*. Beirut, Lebanon: Dar al-Ibn Kathir.
- al-Naysaburi. Abi al-Hasan Muslim al-Hajjaj al-Kusyairi. 1427H/2006M. *Shahih Muslim: al-Musnad al-Shahih al-Mukhtasar Min Sunani Binaqli al-ʿAdli ʿan al-ʿAdli Ila Rasulillah*. Riyadh-Arab Saudi: Dar al-Toibah Linnasyri wa al-Tauziʿi.
- Azlan Raymond Majumah, Romzi Ationg, Mohd. Sohaimi Esa, Abang Mohd Razif Abang Muis, Irma Wani Othman, Saifulazry Mokhtar & Nurulasyikin Muda. (2021). Memahami Sejarah Kepimpinan Politik Di Matunggong Sebagai Asas Penting Membangunkan Komuniti Rungus. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(38), 105-118.
- Berita Harian. Mazlina Ismail. (2018). Akhlak asas bentuk jati diri masyarakat. 24 April 2018.
- Berita Harian. Rohaniza Idris & Mohd Azrone Sarabatine. (2017). *Sakaran Dipilih Tokoh Maal Hijrah*. 22 September 2017.
- Bharian online. Nur Syahida Shafiron. (2020). *Pilih Pemimpin Miliki Jiwa Rakyat, Negara*. 20 Ogos 2020.
- Bilcher Bala. (2015). Biografi Tun Sakaran Dandai: Min Rilaut Ni Bud. Universiti Malaysia Sabah. 33-52.
- Dzulfida A. Razak, Muhammad Nasri Md. Hussain & Abdullah Abdul Ghani. (2020). Ciri-Ciri Kepimpinan Islam, Hubungannya Terhadap Komitmen Organisasi. *International Journal of Modern Trends in Business Research (IJMTBR)*, 3(13), 1 – 15.
- Emin Madi. (2009). Sinar Perjuangan USIA. Kota Kinabalu: Pertubuhan Islam Seluruh Sabah.
- Hamzah Amir & Chacho Bulah (ed). (2007). Tun Sakaran Dandai: Membina Jati Diri dalam Perjuangan Politik. Kota Kinabalu: Jabatan Cetak Kerajaan.

- Harakah Daily. (2020). Ustaz Dr. Muhamad Zuhaili Dr Hj Saiman. Islam dan Politik. 21 Januari 2020.
- Ismail Abas, Nadin Haji Salleh & Japar Ungki. (1996). Biografi bergambar Tun Datuk Seri Panglima Haji Sakaran bin Dandai. Kota Kinabalu: Holijaya Sdn. Bhd.
- Ismail Ali & Mohd Sohaimi Esa. (2015). Tun Sakaran Dandai: Pejuang Warisan dan Kesenian Lepa Semporna. Universiti Malaysia Sabah.
- Ismail bin Amir. (2022). Semporna, Sabah. *Temu bual*.
- Kamarul Arifin Jasni. (2007). Menyemai Unsur Jatidiri Islam di Kalangan Pelajar Pra Universiti atau Matrikulasi in Seminar Pendidikan Pra Universiti/Matrikulasi at Hotel Hilton, Petaling Jaya on 4-5 Ogos 2007, Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya. 39- 42.
- Mauludun Bullun. (2021). Sifat kepimpinan Tun Sakaran Dandai dan sumbangannya kepada pembangunan masyarakat, Semporna. Temu bual, 30 Oktober.
- Md Saffie Abdul Rahim & Mohd Noor Mat Yazid. (2018). Legasi Sakaran Dandai dalam Politik Semporna Perkembangan dan Kejatuhan pada pilihan raya umum ke-14. *Jurnal Kinabalu*. 47-76.
- Mohamad Shaukhi Md Radzi. (2015). Biografi Tun Sakaran Dandai Min Rilaut Ni But. Universiti Malaysia Sabah. 53-68.
- Mohd Nasrun Mohd Talib & Saifulazry Mokhtar. (2020). Sumbangan Tun Sakaran Dandai Dalam Perkembangan Dakwah di Daerah Semporna, Sabah: Satu Analisis. *E-Proceeding of the International Conference on Education, Social Sciences & Technology*, 3-4 December 2020. 225-231.
- Mohd Nasrun Mohd Talib, Saifulazry Mokhtar & Mohd Sohaimi Esa. (2023). Pendekatan Rahmah Dalam Kepimpinan Politik Tun Sakaran Dandai. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 8(31), 1-18.
- Mohd Nasrun Mohd Talib, Saifulazry Mokhtar, Mohd Sohaimi Esa, Azmin Pullong (2022). Pembinaan Jati Diri Muslim Dalam Kepimpinan Tun Sakaran Dandai: Satu Tinjauan. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 7(29), 658-672.
- Mohd Nasrun Mohd Talib. (2024). *Pendekatan Dakwah Dalam Karier Politik Tun Sakaran Dandai di Sabah*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd Parid Sheikh Ahmad. (2015). Memacu Perubahan Malaysia Rahmah Berasaskan Maqasid Syariah, Ucapan Dasar Presiden Perhimpunan Tahunan IKRAM.
- Mohd Sohaimi Esa, Romzi Ationg, Saifulazry Mokhtar, Irma Wani Othman, & Azman Che Mat. (2023). Menyingkap Peranan Pemimpin Persekutuan Tanah Melayu Dalam Menangani Isu Singapura (1961-1963). *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (32), 207-222.
- Monjur, M. (2015). Characteristics of Leadership: *Islamic perspective*. *Journal of Management*.
- Razak Sakaran. (2022). Sifat peribadi Tun Sakaran dalam belajar ilmu agama untuk diri dan keluarga, Kota Kinabalu. Temu bual, 30 Ogos.
- Saeeda Shah. (2016). *Education, Leadership and Islam, Theories, discourses and practices from an Islamic perspective*. New York: Routledge, Taylor & Francis Group.
- Saifulazry Mokhtar, Azmin Pullong, Mohd Nur Hidayat Hasbollah & Sharifah Darmia Sharif Adam. (2022). Kepentingan Ilmu Dakwah Terhadap Pendakwah Kontemporari Menurut Perspektif Muhammad Al-Ghazali: Satu Analisis. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(47), 324 – 337.
- Saifulazry Mokhtar, Irma Wani Othman, Mohd Azri Ibrahim, Mohd Sohaimi Esa, Azlan Syafie Abdullah @ Raymond Majumah, Muhammad Safuan Yusoff, & Romzi Ationg.

- (2021a). Implementasi Kepimpinan Transformasi dalam Kalangan Pentadbir Sekolah Di Daerah Sandakan: Satu Tinjauan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(38), 202 - 216.
- Saifulazry Mokhtar, Irma Wani Othman, Mohd Maziz al-Hadi Moharam & Ismail Maidin. (2021d). Dakwah Bil Akhlak Kontemporari: Satu Pendekatan Dalam Konsep Keusahawanan Islam. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 6 (37), 111 - 123.
- Saifulazry Mokhtar, Kasoma Thia & Habibah Artini Ramlie. (2019). Pendekatan Dakwah JHEAINS terhadap Banduan di Penjara Sandakan: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal al-Hikmah*. 11(2) 2019: 68-87.
- Saifulazry Mokhtar, Kasoma Thia, Irma Wani Othman, & Mohd Maziz al-Hadi Moharam. (2021e). Prospek dan Cabaran Implementasi Dakwah dalam Media Kontemporari: Satu Analisis. Prosiding 5th International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD) 2021. 03 – 05 August 2021. 408-418.
- Saifulazry Mokhtar, Kasoma Thia, Irma Wani Othman, Ros Aiza Mohd Mokhtar, Sabariah Abd Rahim & Mohd Syafiq Zaini. (2023b). Dakwah Bi al-Nafs: Pemangkin Penularan Virus Mazmumah Dalam Kepimpinan Kendiri. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (53), 230 – 241.
- Saifulazry Mokhtar, Kasoma Thia, Mohd Sohaimi Esa, Irma Wani Othman, Mohd Syafiq Zaini & Sharifah Darmia Sharif Adam(2023c). Menelusuri Kepimpinan Dan Ketokohan Syeikh Tahir Jalaluddin Sebagai Seorang Pemimpin: Satu Analisis. *International Journal of Law Government and Communication*, 8 (32), 259-275.
- Saifulazry Mokhtar, Kasoma Thia, Romzi Ationg, Mohd Khairi Lebai Ahmad, Abd Hakim Mohad, Sabariah Abd Rahim. (2023a). Teori Kepimpinan Transformasi Menurut Perspektif Islam: Satu Analisis. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (32), 276-291.
- Saifulazry Mokhtar, Mohd Kamal Mohd Shah, Habibah @ Artini Ramlie, Irma Wani Othman, Romzi Ationg, Mohd. Sohaimi Esa, Syamsul Azizul Marinsah. (2021b). Rekayasa Dakwah KBAT dalam Kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah Menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*. Volume 6 Issue 39 (May 2021). 178-193.
- Saifulazry Mokhtar, Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, Abang Mohd Razif Abang Muis, Irma Wani Othman, Mohd Sohaimi Esa, Romzi Ationg & Siti Aida Lukin @ Lokin. (2021c). Analisis Prinsip-Prinsip Komunikasi Islam dalam Kitab al-Quran. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*. Vol. 6. Issue 23. April 2021. 140-156.
- Saifulazry Mokhtar, Romsy Ationg, Nurul Ain Zulhaimi, Nurulasyikin Muda, Abang Mohd Razif Abang Muis, Azlan Syafie Abdullah @ Raymond Majumah & Anna Lynn Abu Bakar (2021d). Pengaruh Kepimpinan Pengamal Adat Kaum Suluk Dalam Ritual Kematian: Satu Tinjauan Awal Di Sandakan, Sabah *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(38), 217 - 231.
- Saifulazry Mokhtar. (2014). *Strategi Pelaksanaan Dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dan Penilaian Modul Kerohanian di Penjara Sandakan*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Fatimah Muhammad Nor. (2022). Kepimpinan Islam Dalam Tadbir Urus Insan: Satu Tinjauan. *Cifer International Journal of Islamic Finance*.1, (1).